



📍 Mahkamah Majistret Seremban, Negeri Sembilan
📅 20 Disember, 2019
🏛️ Cawangan Guaman Kuala Lumpur

PENGARAH SYARIKAT DIDAPATI BERSALAH DAN DIDENDA RM36,000.00 AKIBAT GAGAL MEMBUAT POTONGAN PCB PEKERJA

— PENDAKWA RAYA VS GCK (PENGARAH, NGAB) —

RINGKASAN FAKTA KES

Orang Kena Saman (OKS) merupakan Pengarah Syarikat NGAB menghadapi 36 pertuduhan atas kesalahan gagal membuat Potongan Cukai Berjadual (PCB) bagi bulan Januari hingga Disember bagi tahun-tahun 2012, 2013 dan 2014. Beliau sebagai Pengarah syarikat tersebut bertanggungan di bawah subseksyen 75(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 yang mana syarikat tersebut merupakan majikan yang dikehendaki di bawah peruntukan subkaedah 10(1) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) 1994 untuk membayar kepada KPHDN tidak lewat dari hari kesepuluh tiap-tiap bulan kalendar jumlah cukai yang dipotong daripada saraan pekerja di mana OKS dengan tiada sebab yang munasabah telah tidak mematuhi peruntukan tersebut.

MAJISTRET

Puan Norzaliza Binti Tesmin

PEGUAM HASIL

Muhammad Fazli Lutfi Latiff
Nur Farahida Kamarudein
Nurulsheeda Yahaya
Intan Natasha Yusri

HUJAHAN PENDAKWA

1. OKS merupakan seorang Majikan yang bertanggungan di bawah subseksyen 75(1) ACP dan telah melakukan kesalahan di bawah subkaedah 10(1) KKCP (Potongan Daripada Saraan) 1994 apabila gagal membuat potongan PCB yang sepatutnya pada tarikh yang ditetapkan iaitu tidak lewat dari hari kesepuluh tiap-tiap bulan kalendar jumlah cukai yang dipotong daripada saraan pekerja.
2. Dengan merujuk kepada dokumen 'Maklumat Gaji', pihak pendakwaan telah berjaya mengesahkan dengan OKS bahawa maklumat yang tercatat di ruangan Maklumat Gaji tersebut adalah "*salary*" dan ini diakui OKS semasa pemeriksaan balas saksi.
3. Keterangan saksi dan dokumen juga mengesahkan wujudnya pekerja yang dimaksudkan bagi tujuan potongan PCB dibuat. Juruaudit OKS juga telah gagal berurus dan mengemaskini dengan LHDNM berhubung potongan PCB yang sepatutnya dibuat oleh OKS.

HUJAHAN OKS

Tiada '*contract of service*' yang menyatakan wujudnya hubungan antara majikan dan pekerja serta tiada surat perlantikan pekerja. OKS mendakwa wang dibayar kepada pekerja bukan gaji tetapi sebagai pendahuluan sara hidup bulanan. Berdasarkan Artikel 34 Article Tubuh Syarikat menyatakan bahawa pekerja tidak boleh menerima gaji kecuali bayaran balik sebarang perbelanjaan untuk kegiatan syarikat. Oleh itu majikan tidak mempunyai obligasi untuk membuat potongan PCB tersebut.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

Mahkamah memutuskan bahawa pihak Pendakwaan telah berjaya membuktikan kes tanpa keraguan yang munasabah bagi kesemua 36 pertuduhan. Mahkamah dengan itu menjatuhkan hukuman denda RM1000 bagi setiap pertuduhan dan sekiranya gagal bayar 2 bulan penjara bagi setiap pertuduhan dan hukuman dijalankan berasingan.